



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Mohd Hasfarisham Abd Halim, Mokhtar Saidin & Asyaari Muhamad (2026). Pemerkasaan komuniti melalui persatuan pelancongan di Malaysia: Ke arah kelestarian sektor pelancongan warisan. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 49-70. <https://10.32890/ahjmm2026.4.3>

PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI PERSATUAN PELANCONGAN DI MALAYSIA: KE ARAH KELESTARIAN SEKTOR PELANCONGAN WARISAN

(Community Empowerment Through Tourism Associations in Malaysia: Towards the Sustainability of the Heritage Tourism Sector)

¹Mohd Hasfarisham Abd Halim, ²Mokhtar Saidin & ³Asyaari Muhamad

^{1&3}Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia

² Geopark and Geotourism Creative Solution, Malaysia

¹*Corresponding author: mhasfarisham@ukm.edu.my*

Received: 20/02/2026

Revised: 09/07/2026

Accepted: 24/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti sejauh mana persatuan pelancongan berupaya mengangkat martabat dan memperkasakan komuniti yang tinggal berhampiran tapak warisan arkeologi, dengan tumpuan diberikan kepada NGO dan komuniti pelancongan di Lembah Bujang, Kedah. Melalui pendekatan kajian kes kualitatif, penyelidikan ini menyelusuri bagaimana Persatuan AncKed Sungai Batu terlibat dalam pengurusan pelancongan warisan dan apakah kesannya terhadap komuniti setempat. Data lapangan diperoleh melalui pemerhatian etnografi serta aktiviti ikut serta yang dijalankan secara langsung di lapangan, manakala data dianalisis menggunakan analisis tematik secara induktif. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa persatuan pelancongan memainkan peranan yang tidak boleh dipandang ringan sama ada dalam membina kapasiti komuniti, menyelaraskan pelbagai pihak berkepentingan, mahupun membangunkan produk pelancongan warisan yang beridentiti. Namun begitu, masih terdapat

jurang yang nyata iaitu komuniti tempatan masih kurang dilibatkan dalam proses membuat keputusan, kemahiran keusahawanan masih terbatas dan infrastruktur sokongan belum mencukupi. Justeru, kajian ini mengemukakan cadangan model tadbir urus penyertaan yang menghubungkan persatuan pelancongan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti secara bersepadu demi kelestarian pembangunan pelancongan warisan. Antara implikasi praktikal yang dicadangkan ialah perlunya rangka kerja dasar yang lebih inklusif serta program pembangunan kapasiti yang lebih menyeluruh dan berterusan.

Kata Kunci: Persatuan pelancongan, pemerikasaan komuniti, tapak warisan, NGO dan komuniti pelancongan, pelancongan arkeologi

ABSTRACT

This study examines the extent to which tourism associations can elevate and empower communities living near archaeological heritage sites, with particular emphasis on tourism-related non-governmental organisations (NGOs) and communities in Bujang Valley, Kedah. Adopting a qualitative case study approach, the research explores the involvement of the AncKed Sungai Batu Association in heritage tourism management and its impacts on the local community. Field data were collected through ethnographic observation and participant observation, while the data were analysed inductively using thematic analysis. Overall, the findings indicate that tourism associations play a significant role in building community capacity, coordinating various stakeholders and developing distinctive heritage tourism products. Nevertheless, several notable gaps remain, including the limited participation of local communities in decision-making processes, inadequate entrepreneurial skills and insufficient supporting infrastructure. Accordingly, this study proposes a participatory governance model that integrates tourism associations, local authorities and communities to promote sustainable heritage tourism development. The practical implications include the need for a more inclusive policy framework and more comprehensive and continuous capacity-building programmes.

Keywords: Tourism associations, community empowerment, heritage sites, tourism NGOs and communities, archaeological tourism

PENGENALAN

Dalam dunia yang semakin sedar akan kepentingan nilai warisan, pelancongan warisan bukan sekadar tarikan pelancong tetapi ia telah terbukti menjadi teras pembangunan ekonomi dan pemerikasaan komuniti di tapak-tapak warisan di seluruh dunia (Cerisola & Panzera, 2025). Di Malaysia, hal ini bukan lagi sekadar wacana teori. Sektor pelancongan warisan telah diiktiraf sebagai salah satu bidang ekonomi utama negara (NKEA) yang menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan kawasan luar bandar (Fong & Lo, 2015; Asyaari & Yasmin, 2024).

Dalam konteks ini, kajian arkeologi di Lembah Bujang, Kedah, Malaysia berupaya berdiri sebagai sebuah khazanah yang tiada tandingannya. Kajian akademik yang dijalankan selama bertahun-tahun telah mengangkat bukti arkeologi di kawasan ini ke taraf antara penemuan arkeologi terpenting di Asia Tenggara, dengan bukti kewujudan tamadun awal yang dianggarkan bermula sejak kurun ke-6 Sebelum Masihi (Mohd Hasfarisham et al., 2025a; Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2026). Sehingga tahun 2026, penyelidikan di tapak ini telah mendedahkan pelbagai penemuan luar biasa mendedahkan bukti industry

besi (Mohd Hasfarisham et al., 2025b), perdagangan (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2025; Mohd Hasfarisham et al., 2025c), serta kepercayaan dan keagamaan Buddha (Wales, 1940; Allen, 1988; Zolkurnian, 2018) yang tersebar dalam kawasan seluas 1,000 kilometer persegi.

Namun, membangunkan Lembah Bujang sebagai destinasi pelancongan warisan yang benar-benar mampan bukanlah tugas yang mudah. Ia memerlukan lebih daripada sekadar penyelidikan arkeologi yang cemerlang dan ianya memerlukan penglibatan aktif semua pihak, termasuk persatuan pelancongan, pihak berkuasa tempatan dan yang paling penting daripada komuniti yang mendiami kawasan tersebut. Persatuan pelancongan dalam hal ini, berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan komuniti akar umbi dengan pihak berkuasa, memastikan pembangunan yang berlaku benar-benar inklusif dan memberi manfaat kepada semua (Ratih et al., 2018). Kajian-kajian lepas turut mengesahkan bahawa apabila persatuan pelancongan terlibat secara aktif dalam pengurusan tapak warisan, keupayaan komuniti meningkat, penyertaan bermakna difasilitasi, dan pengagihan manfaat ekonomi serta sosial menjadi lebih adil (Paddison & Biggins, 2017; Giliberto & Labadi, 2023).

Malangnya, realiti di Malaysia tidak sentiasa selari dengan ideal tersebut. Pengurusan tapak warisan di negara ini kerap terkandas dengan masalah penglibatan komuniti dan koordinasi antara pihak berkepentingan yang lemah, serta ketidakseimbangan kuasa dalam proses membuat keputusan (Omar, 2013; Mustafa et al., 2015). Kajian Mastura et al. (2015) di Lembah Lenggong, misalnya, mendapati bahawa penglibatan penduduk tempatan khususnya generasi muda adalah kunci kepada keberhasilan program pemuliharaan jangka panjang. Begitu juga di George Town, Pulau Pinang, di mana hanya sedikit komuniti tempatan terlibat secara aktif dalam program pemuliharaan warisan, walaupun ramai yang menunjukkan minat untuk bersama-sama dalam memperkasakan sektor pelancongan warisan ini (Mustafa et al., 2015).

Di Lembah Bujang itu sendiri, potensinya sebagai destinasi pelancongan arkeologi tidak dapat dinafikan. Namun, kajian awal menunjukkan bahawa komuniti setempat masih kurang dilibatkan secara bermakna dalam aktiviti pelancongan mahupun dalam proses membuat keputusan berkaitan pembangunan tapak (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2026). Tanpa mekanisme pemerksaan yang jelas dan sistematik, komuniti tempatan tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang ekonomi yang terbuka luas di hadapan mereka.

Di sinilah NGO pelancongan tempatan seperti AncKed Sungai Batu dan persatuan komuniti (Laman Bidasari, Bakau Hijau, PakSu Tiram Sungai Merbok dan komuniti Kampung Pengkalan Bujang) berperanan penting sebagai perantara yang merapatkan jurang antara pihak berkuasa dengan komuniti setempat. Namun, peranan spesifik persatuan ini dalam proses pemerksaan komuniti di Lembah Bujang masih belum dikaji secara mendalam, kecuali melalui kajian Mohd Hasfarisham et al. (2025) dan Mohd Hasfarisham & Mokhtar (2026). Kajian-kajian terdahulu lebih banyak menumpukan kepada aspek arkeologi dan pembangunan infrastruktur fizikal, sementara dimensi sosial dan pemerksaan komuniti melalui penglibatan persatuan pelancongan masih kurang mendapat perhatian sewajarnya (Adnan et al., 2017). Keadaan ini berlaku kerana tumpuan akademik terhadap tapak arkeologi di Malaysia masih cenderung kepada aspek teknikal dan pemuliharaan fizikal berbanding dimensi sosial dan institusi, sekaligus menjadikan peranan organisasi komuniti seperti persatuan pelancongan sebagai agen pemerksaan tidak dianalisis secara mendalam dan sistematik.

Jurang pengetahuan inilah yang mendorong kajian ini dijalankan. Dengan mengkaji secara terperinci bagaimana persatuan pelancongan menyumbang kepada pemerksaan komuniti di Lembah Bujang, kajian

ini berhasrat untuk mengisi ruang kosong dalam literatur berkaitan, sekaligus mengenal pasti cabaran dan peluang yang wujud dalam proses tersebut.

Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk:

- i) Mengetahui peranan persatuan pelancongan dalam pembangunan pelancongan warisan di Lembah Bujang;
- ii) Menganalisis mekanisme pemerkasaan komuniti setempat melalui penglibatan persatuan pelancongan di tapak warisan;
- iii) Menilai cabaran dan halangan yang dihadapi dalam pemerkasaan komuniti setempat melalui pelancongan warisan di Lembah Bujang; dan
- iv) Mencadangkan model tadbir urus penyertaan yang mengintegrasikan persatuan pelancongan, pihak berkuasa, dan komuniti setempat untuk pembangunan pelancongan warisan yang mampan.

Kepentingan Kajian

Kajian ini membawa nilai yang signifikan, baik dari sudut teoritikal mahupun praktikal. Daripada segi teoritikal, kajian ini menyumbang kepada perbincangan ilmiah berkaitan pemerkasaan komuniti dalam pelancongan warisan dengan meneliti secara khusus peranan persatuan pelancongan sebagai agen pemerkasaan. Ia turut memperkayakan pemahaman tentang dinamik kuasa dan tadbir urus penyertaan dalam konteks tapak arkeologi di Malaysia iaitu satu sudut kajian yang jarang diteroka.

Daripada sudut praktikal pula, dapatan kajian ini berpotensi membantu pembuat dasar, pengurus tapak warisan, dan persatuan pelancongan dalam mereka bentuk strategi yang lebih berkesan untuk mengangkat martabat komuniti tempatan. Kajian ini juga menyediakan panduan berguna untuk membangunkan model tadbir urus yang inklusif dan mampan di tapak-tapak warisan lain di Malaysia. Lebih jauh dari itu, kajian ini turut menyentuh matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya SDG 8 (pekerjaan yang layak dan pertumbuhan ekonomi), SDG 11 (bandar dan komuniti lestari), serta SDG 17 (perkongsian untuk matlamat bersama).

SOROTAN LITERATUR

Pemerkasaan Komuniti dalam Pelancongan Warisan

Apabila kajian dijalankan berkaitan pemerkasaan komuniti dalam konteks pelancongan warisan, ia sebenarnya memperkukuhkan data pembangunannya yang lebih mendalam daripada sekadar menjana pendapatan. Ia merujuk kepada proses yang membolehkan komuniti tempatan memperoleh kawalan yang lebih besar ke atas kehidupan mereka sendiri dan keupayaan untuk membuat keputusan, mengakses sumber dan mendapat manfaat yang adil daripada pembangunan pelancongan (Giliberto & Labadi, 2023). Pemerkasaan ini merangkumi dimensi ekonomi, sosial, psikologi dan politik yang saling berkait rapat (Zhou et al., 2021).

Kajian Ashri & Muhammad Zikri (2025) di Candi Prambanan memberikan gambaran yang jelas tentang potensi ini. Kajian berkenaan mendapati pelancongan kreatif yang berpaksikan elemen budaya autentik berjaya memperkasakan komuniti tempatan melalui peningkatan penyertaan, kepelbagaian ekonomi, pengukuhan kohesi sosial dan pemeliharaan warisan budaya tidak ketara. Pengalaman serupa turut dilaporkan di Desa Azheke, China, di mana pelancongan mampan di tapak warisan berkenaan dijalankan dengan melibatkan penduduk tempatan secara langsung. Keterlibatan komuniti tersebut bermula daripada peringkat perancangan hinggalah ke pelaksanaan, termasuk melatih mereka sebagai pemandu pelancong dan melibatkan mereka dalam pembangunan produk pelancongan budaya (Zhang & Stewart, 2017).

Di Nepal pula, kajian menunjukkan bahawa operator pelancongan yang bergandingan bahu dengan komuniti tempatan telah mampu membina kapasiti penyertaan komuniti dalam pelancongan mampan (Choegyal, 2019). Pendekatan yang menekankan pembinaan kapasiti dan pengagihan manfaat kepada komuniti terbukti berkesan dalam memupuk pemeraksanaan yang tulen. Kajian di Gunung Sanqingshan, China, turut membuktikan penglibatan dalam pelancongan dapat mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan membuka ruang pilihan yang lebih luas kepada golongan muda, di samping memupuk komunikasi dan jaringan dalam kalangan penduduk (Su et al., 2016).

Walaupun begitu, perjalanan menuju pemeraksanaan yang sebenar tidaklah mudah. Kajian di Zhujiyajiao, Shanghai, mendapati bahawa pemeraksanaan komuniti dinilai antara “sederhana” dan “baik,” dengan pemeraksanaan psikologi mencatat skor tertinggi namun penglibatan politik kekal paling lemah (Zhou et al., 2021). Pengagihan pendapatan yang tidak sekata dan penyertaan terhad dalam proses membuat keputusan akibat daripada sistem atas-bawah yang masih dominan telah menjadi batu penghalang utama. Pengalaman di Lekhubu Island, Botswana, pula memperlihatkan bahawa walaupun komuniti terlibat dalam pelancongan warisan, kuasa muktamad tetap terletak di tangan negara dan jawatankuasa penasihat teknikal, bukan di tangan komuniti itu sendiri (Lenao, 2014). Kesemua ini mampu memberi kesan negatif terhadap perkembangan pelancongan warisan itu sendiri.

Peranan Persatuan Pelancongan

Persatuan pelancongan dan Organisasi Pengurusan Destinasi (DMO) bukan sekadar badan pentadbiran biasa tetapi organisasi tersebut adalah nadi kepada pemeraksanaan komuniti di tapak warisan. Melalui fungsi tadbir urus, penyelarasan, pembinaan kapasiti dan penglibatan pihak berkepentingan, organisasi-organisasi ini memainkan peranan yang jauh lebih besar daripada yang sering disedari. Kajian Paddison & Biggins (2017) di York, menunjukkan bagaimana DMO mengetuai pembangunan strategi pelancongan dan memfasilitasi dialog antara pelbagai pihak terutama dari kumpulan budaya hingga komuniti warisan bagi mengumpulkan perspektif yang beragam. Lebih dari itu, DMO berusaha membina perkongsian tulen dengan komuniti, membolehkan komuniti benar-benar mempengaruhi arah pembangunan pelancongan warisan.

Di bandar lama Jakarta, kajian kes menunjukkan bahawa DMO berperanan sebagai organisasi pihak berkepentingan yang aktif dalam penganjuran aktiviti pelancongan, sekaligus menyumbang kepada pemeraksanaan komuniti (Ratih et al., 2018). Di Mesir pula, Persatuan Pembangunan Komuniti dan Perlindungan Alam Sekitar Siwa (SCDEPA) membuktikan bagaimana persatuan tempatan mampu mengangkat warisan budaya tidak ketara menjadi produk pelancongan yang bernilai melalui penganjuran Festival Kurma yang berjaya meningkatkan industri kurma tempatan (Asham, 2019).

Contoh yang lebih dekat yang boleh dilihat di Antandros Ancient City, Turki, di mana sebuah NGO tempatan berjaya menggabungkan tafsiran warisan ke dalam rancangan pembangunan mampan melalui pendekatan berbilang pihak berkepentingan (Dadizadeh & Doğan, 2024). Pengalaman ini menegaskan betapa pentingnya organisasi tempatan dalam memimpin usaha pemeliharaan, persembahan dan promosi warisan.

Di Malaysia sendiri, kajian di Taman Kinabalu menunjukkan bahawa Persatuan Pemandu Gunung yang ditubuhkan pada 2011 telah berjaya meningkatkan penglibatan komuniti tempatan dalam pembuatan keputusan, walaupun masih ada ruang untuk penambahbaikan dari segi kapasiti pemandu dan memenuhi jangkaan pelawat (Goh, 2015). Di Langkawi pula, penyertaan komuniti nelayan melalui Komuniti Pengurusan Ekosistem Perikanan (KPEP) membuktikan bahawa pengetahuan tradisional komuniti tempatan adalah aset yang tidak ternilai dalam pengurusan sumber asli (Abdul Halim et al., 2011).

Dalam konteks Lembah Bujang itu sendiri, kajian Mohd Hasfarisham et al. (2025) dan Mohd Hasfarisham & Mokhtar (2026) telah mendedahkan bahawa Persatuan AncKed Sungai Batu yang terdiri daripada komuniti setempat yang aktif telah berjaya menawarkan 17 pakej pelancongan warisan di sekitar KASB. Malah, komuniti Sungai Merbok seperti Laman Bidasari, Bakau Hijau, PakSu Tiram Sungai Merbok dan Komuniti Kampung Pengkalan Bujang turut aktif menawarkan pakej dan aktiviti pelancongan mereka sendiri yang menjadi bukti nyata bahawa komuniti tidak dipinggirkan dalam pemerkasaan pelancongan warisan di kawasan ini.

Selain itu, di daerah Yan, Kedah iaitu di sekitar Gunung Jerai juga jelas memperlihatkan adanya beberapa aktiviti pelancongan yang melibatkan pendakian Gunung Jerai dan beberapa aktiviti pelancongan seperti “Kopi Waktu” yang dianjurkan oleh komuniti setempat. Namun begitu sehingga kini tiada kajian akademik dilakukan untuk merekodkan aktiviti pelancongan berasaskan komuniti yang berlangsung di kawasan ini. Ini menunjukkan wujudnya keperluan untuk kajian lebih agresif dijalankan bagi merekodkan komitmen komuniti tersebut dalam memperkasakan pelancongan warisan di kawasan ini khasnya.

Pengurusan Tapak Warisan

Pengurusan tapak warisan yang berkesan bukanlah sesuatu yang boleh dicapai dengan formula dan jalan ringkas. Ia memerlukan pendekatan bersepadu yang mengimbangi tiga keperluan yang sering bertelagah seperti pemuliharaan warisan, pembangunan pelancongan dan kesejahteraan komuniti tempatan. Kajian Mostafa et al. (2017) menggunakan kes Tapak Warisan Dunia UNESCO di Malaysia untuk meneroka tiga tahap penyertaan komuniti yang menawarkan pandangan berharga kepada pihak berkuasa tempatan dalam mereka bentuk program pengurusan warisan yang lebih inklusif.

Di Lembah Bujang khususnya di Komplek Arkeologi Sungai Batu (KASB), kajian Mohd Hasfarisham et al. (2024a) menunjukkan bagaimana tapak ini telah dibangunkan sebagai produk pelancongan warisan menggunakan teknologi digital terkini termasuk VR, AR, kipas hologram dan kod QR bagi tujuan promosi dan kelestariannya. Program Pemindahan Pengetahuan (KTP) yang ditubuhkan di KASB sejak 2013 turut melatih dan mengiktiraf pemandu tempatan, membolehkan mereka menawarkan pakej pelancongan dan mengendalikan aktiviti di kawasan *living culture gallery* yang merangkumi demonstrasi, aktiviti hands-on, eksperimen arkeologi, dan penyertaan komuniti (Mohd Hasfarisham et al., 2023).

Kajian di Lembah Bujang secara lebih luas turut menunjukkan bahawa penyelidikan arkeologi di kawasan ini telah mendedahkan warisan sejarah dan budaya yang setanding dengan tapak-tapak serantau dan

Komanwel, menjadikannya amat sesuai untuk arkeopelancongan (Mazlan et al., 2025). Penglibatan komuniti di sini juga digambarkan sebagai kukuh, dengan persatuan tempatan, usahawan dan operator pelancongan berganding bahu membangunkan tapak ini.

Namun, gambaran yang indah itu tidak menafikan cabaran yang nyata. Kajian Omar (2013) mendapati bahawa pembangunan pelancongan warisan budaya Malaysia, walaupun dibentuk oleh dasar kerajaan, masih menghadapi pelbagai kelemahan termasuk definisi warisan yang tidak jelas, konflik antara pihak berkepentingan dan halangan birokrasi. Lebih membimbangkan, komuniti tempatan, walaupun secara amnya berpuas hati dengan pembangunan pelancongan, tetapi masih tidak terlibat secara aktif dalam perancangan atau pembuatan keputusan. Kajian ini menyeru agar perkhidmatan pelancong diperbaiki, elemen budaya yang lebih pelbagai dipromosikan dan rangka kerja yang menggabungkan aspek sosial dan budaya digubal dengan lebih serius.

Penyertaan Komuniti Setempat

Tanpa penyertaan daripada komuniti, pembangunan pelancongan warisan yang mampan hanyalah sekadar impian kosong. Kajian Dragouni & Fouseki (2017) mendapati bahawa motivasi dalaman komuniti seperti jangkaan manfaat daripada penyertaan dan rasa tanggungjawab terhadap warisan adalah pemacu paling kuat untuk penglibatan aktif dalam perancangan pelancongan warisan, terutamanya bagi mereka yang mempunyai ikatan emosi yang kuat dengan tempat mereka. Ini bermaksud proses pemerkasaan yang berjaya adalah bergantung kepada kerjasama yang dipimpin komuniti, pengukuhan institusi sosial, dan komunikasi yang jujur tentang manfaat dan cabaran pelancongan.

Di Melaka, kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pengurusan pelancongan warisan masih banyak kekurangan dari segi penyertaan komuniti, dengan komuniti tempatan sering berasa dikesualikan daripada proses membuat keputusan (Liu, 2017). Akta Warisan Negara (2005) memang mentakrifkan warisan dengan terperinci, namun ia tidak menjamin penglibatan akar umbi yang bermakna. Pembangunan yang mengancam nilai keunggulan sejagat (OUV) dan identiti budaya kerap berlaku tanpa input tempatan yang mencukupi. Kejayaan sebenar adalah bergantung kepada memperkasakan komuniti sebagai subjek bukan objek kepada pembangunan yang dirancang.

Gambaran yang sama dilihat di George Town, Pulau Pinang, di mana penglibatan komuniti tempatan dalam pemuliharaan warisan UNESCO masih rendah, walaupun minat mereka sebenarnya tinggi (Muhamad Ferdhaus et al., 2023). Program pemuliharaan yang ada lebih banyak menyasarkan kumpulan tertentu seperti pemilik hartanah dan ahli akademik, meninggalkan sebahagian besar komuniti di luar lingkaran. Kajian di Taiping pula menggunakan model Motivasi-Peluang-Keupayaan (MOA) untuk memahami cara terbaik meningkatkan penyertaan komuniti dalam pelancongan warisan (Puvaneswaran et al., 2022), menekankan bahawa persepsi positif terhadap kesan sosio-budaya dan ketersediaan peluang penyertaan adalah kunci kepada penglibatan yang bermakna.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes sebagai tulang belakang bagi memperlengkapkan kajian. Pilihan ini bukanlah kebetulan semata-mata, ini kerana pendekatan kajian kes dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menyelami fenomena dalam konteks kehidupan sebenar, terutamanya apabila sempadan antara fenomena dan konteksnya tidak begitu jelas (Yin, 2018). Dalam konteks pelancongan warisan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan kepentingan yang berbeza-beza, reka bentuk kajian kes adalah pilihan yang paling sesuai untuk memahami dinamik yang kompleks ini.

Kajian ini berpijak pada paradigma konstruktivis yang mengiktiraf bahawa realiti sosial dibina melalui interaksi dan tafsiran individu serta kumpulan. Ini bermakna penyelidik tidak sekadar merekodkan fakta, tetapi berusaha memahami makna dan pengalaman yang dibawa oleh pelbagai pihak termasuk ahli komuniti tempatan, persatuan pelancongan, dan pihak berkuasa.

Lokasi Kajian


Lembah Bujang terletak di Daerah Kuala Muda, Kedah, Malaysia (Peta 1) yang merangkumi kawasan seluas 1,000 km² berdasarkan taburan bukti arkeologinya. Kajian akademik yang dijalankan di kawasan ini sejak 1840-an oleh Low (1948: 1849) sehingga kini mendedahkan bukti yang pelbagai yang terdiri daripada tapak industry, perdagangan dan keagamaan di sepanjang sungai Merbok-Muda dan cawangan anak sungainya.

Kajian arkeologi di KASB sehingga kini telah berupaya mendedahkan pentarikan kronometrik kawasan ini telah mula dihuni, dijalankan industri dan melakukan transaksi perdagangan dengan dunia luar sekurang-kurangnya semenjak kurun keenam Sebelum Masihi (Mohd Hasfarisham et al., 2025c). Keberlangsungan kawasan ini sebagai kawasan entreport pula dijangka berlangsung sehingga kurun ke-14 Masihi sebelum ia mengalami era kemerosotan atas beberapa faktor mendesak (Rodziadi Khaw, 2017).

Maka atas fakta berkenaan menjadikan Lembah Bujang dijadikan lokasi pemilihan untuk dijalankan kajian bagi memperlengkapkan bukti empirikal kajian. Kawasan ini khasnya telah memenuhi empat kriteria utama untuk dijalankan kajian iaitu i) kepentingan arkeologi dan sejarahnya yang tidak tertanding; ii) usaha pembangunan pelancongan yang sedang giat dijalankan; iii) kehadiran persatuan pelancongan yang aktif; dan iv) komuniti setempat yang berpotensi besar mendapat manfaat daripada pembangunan pelancongan. Gabungan faktor-faktor ini menjadikan Lembah Bujang konteks yang sangat kaya untuk mengkaji interaksi antara persatuan pelancongan, pihak berkuasa dan komuniti tempatan.

Peta 1

Lokasi Lembah Bujang Dan Taburan Bukti Arkeologi Bertaraf Dunia Dalam Kawasan Seluas Kira-Kira 1,000 Km²



Proses Pengumpulan Data

Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui pelbagai kaedah bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Tiga kaedah utama yang digunakan ialah pemerhatian etnografi, aktiviti ikut serta dan analisis dokumen.

Pemerhatian etnografi dan aktiviti ikut serta dijalankan secara berterusan dari tahun 2023 hingga 2026 di sekitar Lembah Bujang. Pemerhatian etnografi membolehkan penyelidik memahami secara langsung dinamik interaksi antara pelbagai pihak berkepentingan, aktiviti pelancongan yang berlangsung dan sejauh mana komuniti tempatan terlibat. Aktiviti ikut serta pula difasilitasi oleh fakta bahawa penyelidik sendiri merupakan ahli Persatuan AncKed Sungai Batu dan kedudukan ini memberikan akses yang lebih mendalam dan jitu terhadap proses pencerapan data.

Semua data yang dicerap semasa pemerhatian dan aktiviti ikut serta direkodkan dengan teliti dalam nota lapangan. Data tersebut kemudiannya dianalisis bersama dengan sumber dokumentasi lain, termasuk artikel akademik, brosur pelancongan, buku korporat Persatuan AncKed Sungai Batu dan minit mesyuarat pelancongan yang digunakan bagi memperlengkapkan kajian.

HASIL KAJIAN

Peranan NGO dan Persatuan Pelancongan di Lembah Bujang

Analisis data menunjukkan dengan jelas bahawa Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok (Laman Bidasari, Bakau Hijau dan PakSu Tiram Sungai Merbok) telah memainkan peranan yang pelbagai dan penting dalam pembangunan pelancongan warisan. Peranan-peranan ini boleh dikelompokkan kepada empat fungsi utama iaitu i) penyelarasan pihak berkepentingan, ii) pembinaan kapasiti, iii) pembangunan produk pelancongan dan iv) advokasi komuniti.

Sebagai penyelar, Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok berfungsi sebagai penghubung antara komuniti tempatan, pihak berkuasa kerajaan, operator pelancongan dan penyelidik arkeologi dan akademik. NGO dan persatuan komuniti ini memfasilitasi komunikasi dan kerjasama antara semua pihak sejajar dengan dapatan Paddison & Biggins (2017) yang menunjukkan bagaimana DMO menyelaraskan proses perundingan dan menghimpunkan perspektif yang pelbagai. Di Lembah Bujang, NGO dan persatuan komuniti ini turut menyertai mesyuarat berkala bersama pemegang taruh dan komuniti setempat untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan pelancongan, walaupun frekuensi dan keberkesanan mesyuarat ini masih boleh ditingkatkan.

Dari segi pembinaan kapasiti, Persatuan AncKed Sungai Batu dilihat ke hadapan dalam soal melatih ahli komuniti tempatan terutamanya dalam kemahiran pemanduan pelancong dan pengetahuan berkaitan warisan arkeologi. Program Pemindahan Pengetahuan (KTP) di KASB sebagai contoh telah berjaya melahirkan pemandu pelancong tempatan yang mampu menawarkan dan mengendalikan pakej pelancongan warisan, termasuk aktiviti di kawasan living culture gallery seperti demonstrasi, hands-on, dan tafsiran arkeologi (Gambar 1) (Mohd Hasfarisham et al., 2023). Inisiatif ini selari dengan dapatan kajian di Antandros Ancient City di mana NGO tempatan memainkan peranan penting melalui pendekatan pelbagai pihak berkepentingan (Dadizadeh & Doğan, 2024). Walau bagaimanapun, program latihan ini

masih terhad kepada bilangan peserta yang kecil dan perlu diperluaskan untuk melibatkan lebih ramai ahli komuniti.

Gambar 1

Pemeriksaan Komuniti Di KASB Melalui Peranan Komuniti Sebagai Pemandu Pelancong Dan Penyedia Aktiviti Di Kawasan Living Culture Gallery



a



b



c

Pemeriksaan komuniti di KASB telah dijalankan dengan mampan yang membolehkan komuniti bertindak sebagai pemandu pelancong dan menawarkan aktiviti di kawasan living culture gallery yang melibatkan proses demonstrasi peleburan besi (a), hands-on pembuatan bata (b) dan tafsiran arkeologi di tapak kajian secara langsung (c) / Sumber: Penyelidik

Dalam bidang pembangunan produk pula, Persatuan AncKed Sungai Batu telah menunjukkan kreativiti yang membanggakan iaitu dengan kerjasama penyelidik dari Sunway University. Menerusi kerjasama ini Persatuan AncKed Sungai Batu telah membangunkan pakej pelancongan yang menggabungkan teknologi digital untuk memperkayakan pengalaman pelawat (Mohd Hasfarisham et al., 2024a) semasa aktiviti pelancongan berjalan di KASB. Kini, dengan 17 pakej pelancongan identiti (Gambar 2) yang dibangun, diurus dan ditawarkan sepenuhnya oleh Persatuan AncKed Sungai Batu, KASB mampu memikul tanggungjawab sebagai pusat sehati untuk pelbagai aktiviti pelancongan, iaitu seperti mana peranan yang dimainkan oleh Pusat Interpretasi Pelancongan di Sungai Merbok (Mohd Amin et al., 2023).

Gambar 2

Penawaran 17 Pakej Pelancongan Identiti Di KASB Yang Diuruskan Sepenuhnya Oleh Komuniti Di Bawah Persatuan Ancked Sungai Batu

DESTINASI PILIHAN ANDA
Your preferences of destination

17 pilihan destinasi mengikut pakej lawatan berpandu mahupun pakej lengkap yang bermula dari Sungai Batu dan berakhir di destinasi pilihan anda

17 destination options according to guided tour packages or complete packages that start from Sungai Batu and end at your chosen destination

Pakej Archaetourism Package Arkeopelancongan

- 1 Sg Batu [Lawatan Berpandu / Tour Package]
- 2 Sg Batu [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 3 Sg Batu + Pusat Arkeologi + Guar Kepah [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 4 Sg Batu + Muzium Lembah Bujang + Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat + pegmatit Jerai [Lawatan Berpandu / Tour Guide]
- 5 Sg Batu + Muzium Lembah Bujang + Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat + pegmatit Jerai [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 6 Sg Batu + Kompleks Percandian Pengkalan Bujang [Lawatan Berpandu / Tour Guide]
- 7 Sg Batu + Kompleks Percandian Pengkalan Bujang [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 8 Sg Batu + Muzium Lembah Bujang + Kompleks Percandian Bukit Batu Pahat + pegmatit Jerai + Kompleks Percandian Pengkalan Bujang [Lawatan Berpandu / Tour Guide]
- 9 Sg Batu + Pusat Peleburan Besi Jeniang [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 10 Sg Batu + Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda, Jeti Semeling [Lawatan Berpandu / Tour Guide]
- 11 Sg Batu + Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda, Jeti Semeling [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 12 Sg Batu + Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda, Jeti Semeling + Singkir Laut + Tanjung Dawai + Sungai Muda [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 13 Sg Batu + Padang Tok Sheikh + Puncak Jerai [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 14 Sg Batu + Pusat Interpretasi Pelancongan Kuala Muda, Jeti Semeling + Masjid Pengkalan Kakap [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 15 Sg Batu + Kota Kuala Muda + Pasar Bisik + Galeri Tsunami + Pantai Merdeka [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 16 Sg Batu + Kompleks Percandian Pengkalan Bujang + Muzium Lembah Bujang [Pakej Lengkap / Complete Package]
- 17 Living Culture Gallery [Aktiviti ekskavasi, peleburan besi & pembuatan bata] [Excavation, iron smelting & brickmaking]

Sumber: Penyelidik

Selain itu, komuniti Sungai Merbok yang diwakili oleh PakSu Tiram Sungai Merbok turut menjalankan kerjasama strategik bersama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) bagi program penyelidikan penternakan tiram Sungai Merbok. Program ini berfokus pada pemindahan ilmu kepada komuniti, pemantauan kualiti air paya bakau serta usaha meningkatkan ekonomi nelayan tempatan yang membolehkan komuniti terlibat dalam pemeraksanaan ekopelancongan. Bakau Hijau dan Laman Bidasari juga tidak ketinggalan dengan usaha yang dilakukan dengan memberi pendidikan berkaitan kepentingan biodiversiti bakau Sungai Merbok menerusi aktiviti berkayak dan menelusuri Sungai Merbok.

Sebagai sokongan terhadap pembangunan komuniti, Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok sering menyuarakan kebimbangan berkaitan isu-isu komuniti seperti akses kepada tapak, pengagihan manfaat ekonomi dan pemeliharaan budaya tempatan. Peranan advokasi ini selari dengan dapatan kajian Peng (2025) yang menunjukkan bahawa persatuan pelancongan berperanan dalam menjamin hak komuniti melalui rundingan dengan kerajaan tempatan dan pihak industri. Namun, keberkesanan advokasi ini masih terbatas oleh struktur kuasa yang tidak seimbang dan kekurangan mekanisme formal untuk penglibatan komuniti dalam pembuatan keputusan.

Mekanisme Pemeraksanaan Komuniti

Analisis mendalam terhadap hasil kajian telah membolehkan beberapa mekanisme dikenal pasti yang mampu menyumbang kepada pemeraksanaan komuniti di Lembah Bujang. Mekanisme-mekanisme ini beroperasi pada pelbagai dimensi seperti ekonomi, sosial, psikologi dan politik.

Daripada segi ekonomi, Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok membuka peluang pekerjaan melalui latihan komuniti sebagai pemandu pelancong dan penghasil cenderamata pelancongan. Walaupun penglibatan dalam aktiviti pelancongan telah meningkatkan pendapatan ahli persatuan, manfaat ekonomi ini masih perlu diperkasakan dan diperluas. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa inisiatif pelancongan budaya yang disepadukan dengan model kerja sosial seperti terapi tingkah laku kognitif dan pembangunan komuniti berasaskan aset yang dapat meningkatkan nilai pendapatan dan memperkukuhkan sektor pekerjaan (Taram, 2025). Di Lembah Bujang, strategi yang lebih sistematik diperlukan untuk memastikan pengagihan manfaat yang lebih saksama.

Daripada dimensi sosial, penglibatan dalam aktiviti pelancongan melalui Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok telah mengukuhkan kohesi sosial dan jaringan komuniti. Komuniti setempat yang terlibat dalam program KTP dan aktiviti pelancongan telah mampu meningkatkan interaksi sosial dan semangat kerjasama dengan sangat komprehensif. Fenomena tersebut didapati selari dengan dapatan kajian di Gunung Sanqingshan, China (Su et al., 2016). Lebih dari itu, pertukaran pengetahuan antara komuniti setempat dan pakar arkeologi yang difasilitasi oleh persatuan pelancongan telah meningkatkan pemahaman dan penghargaan komuniti terhadap warisan mereka sendiri, sekaligus memperkukuhkan identiti budaya dan kebanggaan tempatan.

Dari sudut psikologi, kajian ini turut membuktikan bahawa penglibatan dalam pelancongan warisan telah meningkatkan keyakinan diri dan rasa kebolehan dalam kalangan komuniti setempat. Hal ini terserlah melalui komitmen penuh ahli komuniti dalam setiap aktiviti pelancongan yang dijalankan di Lembah Bujang iaitu satu komitmen yang memerlukan penglibatan 100 peratus keterlibatan daripada setiap ahli. Dapatan ini juga sejajar dengan kajian di Cueva Borbón, Republik Dominika, yang menunjukkan bahawa inisiatif pelancongan yang diarahkan secara tempatan dapat memupuk rasa kebolehan diri dan pemeraksanaan, membolehkan komuniti menuntut semula warisan dan mendefinisikan naratif mereka sendiri (Griffith & Griffith, 2012). Pemeraksanaan psikologi ini penting kerana ia membentuk asas kepada bentuk-bentuk pemeraksanaan yang lain.

Dimensi yang paling mencabar adalah pemeraksanaan politik. Walaupun persatuan pelancongan menyediakan platform untuk suara komuniti, penglibatan komuniti dalam pembuatan keputusan formal berkaitan pengurusan tapak masih sangat terhad. Keputusan utama masih dibuat oleh pemegang taruh dengan input yang minimum daripada komuniti tempatan dan ini merupakan cerminan daripada sistem atas-bawah yang masih mendominasi, seperti yang ditemui dalam kajian di Zhujiajiao, Shanghai (Zhou et al., 2021) dan Lekhubu Island, Botswana (Lenao, 2014). Isu ini perlu diberi perhatian serius kerana ia boleh menjadi kekangan utama kepada kelestarian pembangunan pelancongan warisan dalam jangka panjang.

Cabaran dalam Pemeraksanaan Komuniti

Walaupun Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok telah menunjukkan banyak pencapaian yang membanggakan, terdapat beberapa cabaran nyata yang masih menghalang pemeraksanaan komuniti yang optimum di Lembah Bujang. Cabaran pertama dan paling ketara ialah penglibatan komuniti yang masih terhad dalam proses pembuatan keputusan. Struktur tadbir urus yang ada bersifat atas-bawah,

dengan keputusan utama dibuat oleh pemegang taruh. Komuniti tempatan dan persatuan pelancongan sering hanya dimaklumkan setelah keputusan dibuat, tanpa peluang untuk memberikan input yang bermakna. Situasi ini mencerminkan dapatan kajian di George Town (Mustafa et al., 2015) dan Melaka (Liu, 2017) yang turut mendokumentasikan pengalaman serupa.

Cabaran kedua berkaitan kekurangan kemahiran dan pengetahuan. Walaupun program latihan seperti KTP pernah dilaksanakan, ia tidak diteruskan secara berterusan untuk melatih lebih ramai komuniti. Ramai dalam kalangan komuniti masih kekurangan pengetahuan keusahawanan, kemahiran pengurusan perniagaan atau pemahaman mendalam tentang warisan yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan pelancongan berkualiti tinggi. Cabaran ini mencerminkan dapatan kajian Napatah & Azlan (2022) yang mengenal pasti kekurangan pendidikan formal dan latihan sebagai halangan utama dalam pelancongan komuniti di Malaysia serta kajian di Surabaya yang mendapati pemeraksanaan usaha mikro, kecil dan menengah (UMKM) masih suboptimum (Lintang et al., 2025).

Infrastruktur yang tidak mencukupi turut menjadi penghalang yang signifikan. Walaupun kemudahan asas seperti akses jalan, tandas awam, tempat letak kereta dan infrastruktur digital telah disediakan di tapak warisan di Lembah Bujang (Mohd Hasfarisham & Mokhtar, 2026), masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki, terutamanya di tapak-tapak pelancongan selain KASB. Kekurangan infrastruktur ini menghadkan keupayaan komuniti tempatan untuk menyediakan perkhidmatan pelancongan berkualiti dan mengurangkan daya tarikan tapak kepada bakal pelawat. Permasalahan tersebut juga dihadapi di kebanyakan tapak warisan dan salah satunya adalah Lekhubu Island, Botswana (Lenao, 2014) yang memberi impak negatif dalam amalan pelancongan.

Koordinasi yang lemah antara pelbagai pihak berkepentingan juga menjadi punca masalah yang berulang. Komunikasi antara agensi kerajaan, persatuan pelancongan dan komuniti tempatan sering tidak sistematik dan tidak tepat pada masanya. Kekurangan platform formal untuk dialog berterusan menyebabkan salah faham dan konflik yang tidak perlu. Isu ini bukan asing kepada KASB dan masalah ini juga bukan perkara pertama yang dibincangkan di tapak warisan (Fong & Lo, 2015; Lintang et al., 2025). Ini menunjukkan perlunya usaha yang lebih komprehensif dan terancang antara semua pemegang taruh bagi menyelesaikan isu berkenaan dengan lebih solid.

Pengagihan manfaat ekonomi yang tidak sekata juga masih menjadi duri dalam daging dalam amalan pelancongan. Individu dan keluarga yang mempunyai hubungan lebih rapat dengan persatuan pelancongan atau pihak berkepentingan cenderung mendapat lebih banyak peluang, sementara sebahagian komuniti yang lain terpinggir. Ketidaksamaan ini bukan sahaja tidak adil malah ia boleh mewujudkan ketegangan sosial dan mengurangkan sokongan komuniti secara keseluruhan terhadap pembangunan pelancongan, seperti yang dikenal pasti dalam kajian di Zhujiajiao, Shanghai (Zhou et al., 2021). Maka pengurusan yang lebih telus adalah perlu bagi memastikan perkara ini dapat diperhalusi dan proses keterlibatan komuniti dalam dirangka dengan telus.

Peluang dan Potensi Pembangunan

Di sebalik cabaran-cabaran yang dinyatakan, tidak dapat dinafikan terdapat peluang yang signifikan dan tidak kurang menariknya untuk memperkukuhkan peranan persatuan pelancongan dalam pemeraksanaan komuniti di Lembah Bujang. Pertama, penggunaan teknologi digital menawarkan potensi yang besar dalam agenda pembangunan mampan terutama di KASB dalam pelancongan warisan. Platform AR, VR, aplikasi web dan media sosial bukan sahaja dapat meningkatkan pengalaman pelawat, malah membuka ruang

kepada komuniti tempatan untuk terlibat secara lebih kreatif, misalnya dalam penciptaan kandungan digital seperti video naratif tempatan dan aplikasi mudah alih yang menceritakan kisah warisan dari perspektif komuniti sendiri. Pendekatan ini sejajar dengan cadangan kajian di Melaka yang menekankan penceritaan digital sebagai alat pendidikan yang berkesan (Muhammad Arif Fitri et al., 2025) dalam naratif pelancongan.

Keduanya, terdapat peluang untuk membangunkan model tadbir urus yang lebih inklusif iaitu satu elemen atau dimensi yang memberikan komuniti tempatan dan persatuan pelancongan peranan yang lebih bermakna dalam membuat keputusan. Model ini boleh merangkumi penubuhan jawatankuasa pengurusan bersama yang melibatkan wakil komuniti, persatuan pelancongan, pihak berkuasa kerajaan dan pakar arkeologi. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan tadbir urus penyertaan dapat menyokong pelancongan warisan budaya yang mampan (Kalidoss & Ghate, 2025), dan kajian di Batur UNESCO Global Geopark turut menegaskan kepentingan penyertaan komuniti dan sokongan kerajaan dalam mewujudkan destinasi pelancongan berkualiti (I Wayan et al., 2025).

Ketiga, program pembangunan kapasiti yang lebih komprehensif perlu dibangunkan yang bukan sekadar melatih kemahiran teknikal, tetapi juga kemahiran keusahawanan, pengurusan perniagaan dan kepimpinan. Program ini boleh dijalankan dalam kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, agensi pembangunan dan NGO. Kajian di Afrika Sub-Sahara menunjukkan bahawa perkongsian yang rapat, pendidikan dan pembinaan kapasiti dapat mengurangkan pergantungan kepada entiti luar sekaligus memperkasakan komuniti tempatan (Giliberto & Labadi, 2023).

Keempat, kerjasama serantau menawarkan peluang pembelajaran bersama yang berharga. Persatuan pelancongan di Lembah Bujang boleh membina jaringan dengan persatuan serupa di tapak-tapak seperti Lembah Lenggong, Melaka dan George Town untuk berkongsi amalan terbaik dan membangunkan produk pelancongan bersepadu. Kajian pelancongan di Malaysia secara jelas menunjukkan bahawa adanya program kerjasama di peringkat antarabangsa seperti dengan Indonesia, China dan Scandinavia yang merupakan faktor kejayaan dalam pemuliharaan warisan (Mohd Hiriy et al., 2017).

Selain itu, model pelancongan berasaskan komuniti (CBT) yang sedang dibangunkan di tapak warisan di Lembah Bujang perlu diperkukuhkan dari masa ke masa. Model ini boleh merangkumi perkhidmatan homestay, koperasi kraftangan dan penghasilan cenderamata pelancongan, di kalangan komuniti. Kajian menunjukkan bahawa CBT yang dilaksanakan dengan berkesan dapat meningkatkan kualiti hidup komuniti dan memelihara warisan budaya (Kokkhangplu et al., 2024). Namun begitu kejayaan pembangunan komuniti memerlukan sokongan dasar yang kukuh dan pembangunan kapasiti yang berterusan.

PERBINCANGAN

Kajian ini merupakan kajian empirikal pertama yang mengkaji secara khusus peranan persatuan pelancongan dalam pemeraksanaan komuniti di tapak warisan arkeologi Malaysia, dengan fokus kepada tapak warisan di Lembah Bujang, Kedah. Sehingga kini, kesarjanaan mengenai Lembah Bujang lebih banyak tertumpu kepada aspek arkeologi dan fizikal tapak termasuk penemuan bengkel peleburan besi, jeti sungai, bangunan pengurusan pelabuhan, serta ritual dan monumen Buddha (Mohd Hasfarisham et al., 2025a,b,c). Kajian-kajian berkaitan Lembah Bujang dari perspektif pelancongan pula lebih banyak membicarakan penjenamaan tempat (Nik Hassan Shuhaimi, 2008; Norsuhana & Fatimah, 2018) dan strategi promosi (Farhana et al., 2016; Mazlan et al., 2025).

Dimensi sosial pemeraksanaan komuniti melalui penglibatan persatuan pelancongan masih belum diterokai secara empirikal. Dengan menempatkan kajian ini dalam kerangka ilmiah yang lebih luas, perbincangan berikut berusaha untuk mengintegrasikan dan mensintesis dapatan kajian secara kritis, melampaui sekadar pelaporan semula dapatan yang telah dibentangkan dalam bahagian hasil kajian.

Peranan persatuan pelancongan sebagai agen pemeraksanaan di tapak arkeologi Malaysia juga tidak pernah dikaji secara khusus. Kajian-kajian terdahulu di tapak seperti Lembah Lenggong (Mohd Hasfarisham et al., 2025d), Gua Tambun, Perak (Goh et al., 2019), Guar Kepah, Pulau Pinang (Mohd Hasfarisham et al., 2024b), Gua Pelangi, Negeri Sembilan (Mohd Hasfarisham et al., 2022) dan tapak arkeologi selainnya memang menyentuh penglibatan komuniti tempatan, namun tidak meneliti peranan persatuan pelancongan sebagai struktur perantara yang bermakna.

Walaupun kepentingan penglibatan komuniti dalam pelancongan warisan telah diakui secara meluas, peranan spesifik persatuan pelancongan dalam konteks tapak arkeologi Malaysia masih menanti perhatian akademik yang sewajarnya. Merujuk kepada corak yang ditemui dalam Bahagian 6, kajian ini mendapati jurang ini bukan sahaja bersifat empirikal tetapi turut bersifat konseptual, iaitu ketiadaan kerangka analitik yang sesuai untuk menginterpretasikan peranan persatuan pelancongan sebagai perantara institusi yang bermakna di tapak arkeologi Malaysia.

Dalam perbincangan global, kajian ini menyumbang kepada wacana mengenai peranan organisasi berasaskan komuniti dalam pengurusan warisan. Paddison & Biggins (2017) menekankan kepentingan organisasi komuniti dalam memfasilitasi penyertaan bermakna di tapak warisan Eropah, manakala Giliberto & Labadi (2023) menunjukkan bagaimana pembinaan kapasiti dapat memperkasakan komuniti tempatan di tapak warisan Afrika Sub-Sahara. Dalam konteks Asia Tenggara, Ratih et al. (2018) menunjukkan peranan kritikal persatuan pelancongan sebagai perantara di Indonesia.

Namun, kajian-kajian ini tidak tertumpu kepada tapak arkeologi dan konteks Lembah Bujang menawarkan keunikan tersendiri dari segi kepentingan arkeologi dan dinamik sosio-budaya komuniti setempat. Justeru, kajian ini bukan sekadar mengisi jurang empirikal dalam konteks Lembah Bujang sahaja, malah menawarkan sumbangan konseptual kepada pemahaman tentang bagaimana konteks arkeologi mempengaruhi dinamik pemeraksanaan komuniti melalui persatuan pelancongan secara berbeza berbanding tapak warisan bukan arkeologi.

Sumbangan unik kajian ini terletak pada penyediaan bukti empirikal pertama mengenai bagaimana Persatuan AncKed Sungai Batu dan komuniti Sungai Merbok di lembah Bujang bertindak sebagai perantara institusi antara komuniti tempatan dengan pihak berkuasa. Kajian ini mendedahkan mekanisme khusus yang digunakan untuk memfasilitasi penyertaan komuniti dalam pembuatan keputusan, pembangunan kapasiti, dan pengagihan manfaat ekonomi.

Dengan itu, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang dalam keserjanaan mengenai tapak warisan di Lembah Bujang, tetapi turut menyumbang kepada pemahaman yang lebih luas tentang bagaimana persatuan pelancongan dapat berfungsi sebagai agen pemeraksanaan dalam konteks pelancongan arkeologi di Malaysia dan Asia Tenggara. Perkara yang membezakan perbincangan ini daripada sekadar pelaporan dapatan dalam bahagian sebelumnya ialah penekanannya terhadap implikasi teoritikal dan praktikal daripada mekanisme institusi yang dikenal pasti, khususnya bagaimana mekanisme tersebut boleh diaplikasikan di tapak-tapak warisan arkeologi yang lain di Malaysia dan Asia Tenggara.

Dalam konteks keserjanaan pelancongan warisan Malaysia, kajian ini melengkapkan kajian-kajian terdahulu di tapak Warisan Dunia UNESCO seperti George Town (Mustafa et al., 2015) dan Melaka (Liu, 2017) yang mendokumentasikan cabaran penglibatan komuniti yang terhad. Dengan menumpukan kepada peranan persatuan pelancongan di Lembah Bujang, kajian ini menawarkan perspektif baharu tentang bagaimana cabaran-cabaran ini dapat diatasi melalui organisasi berasaskan komuniti.

Sumbangan ini amat bermakna dalam konteks keserjanaan arkeopelancongan Asia Tenggara, di mana pemahaman mengenai dimensi sosial dan institusi pemerikasaan komuniti di tapak arkeologi masih jauh tertinggal berbanding penekanan terhadap aspek pemuliharaan fizikal (Mokhtar, 2019). Implikasi dasar yang jelas daripada dapatan kajian ini ialah keperluan untuk mengintegrasikan peranan persatuan pelancongan secara formal dalam rangka kerja pengurusan tapak warisan di Malaysia, serta keperluan penyelidikan lanjutan yang menumpukan kepada keberkesanan model tadbir urus penyertaan yang berbeza-beza di tapak warisan arkeologi lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan dengan jelas peranan penting yang dimainkan oleh Persatuan AncKed Sungai Batu dan Komuniti Sungai Merbok dalam memperkasakan komuniti setempat di Lembah Bujang, Kedah. Persatuan ini beroperasi melalui empat fungsi utama iaitu penyelarasan aktiviti pelancongan dengan pemegang taruh, pembinaan kapasiti, pembangunan produk pelancongan dan advokasi komuniti yang secara bersama menyumbang kepada pemerikasaan komuniti pada dimensi ekonomi, sosial, psikologi dan politik.

Dari segi ekonomi, peluang pekerjaan dan perniagaan telah dicipta melalui program latihan dan pembangunan produk pelancongan. Dari segi sosial, kohesi komuniti dan rangkaian sosial telah diperkukuhkan melalui aktiviti bersama dan pertukaran pengetahuan antara komuniti dan pakar. Dari sudut psikologi, keyakinan diri dan kebanggaan tempatan dalam kalangan ahli komuniti yang aktif terlibat dalam pelancongan telah meningkat dengan ketara. Namun, pemerikasaan politik masih berada di tahap yang lemah yang memerlukan perubahan yang bermakna dan signifikan.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti lima cabaran utama yang perlu ditangani seperti penglibatan komuniti yang terhad dalam pembuatan keputusan, kekurangan kemahiran dan kapasiti, infrastruktur yang belum mencukupi, koordinasi yang lemah antara pihak berkepentingan dan pengagihan manfaat yang tidak sekata. Cabaran-cabaran ini bukan sahaja membelenggu Lembah Bujang tetapi ia mencerminkan isu-isu yang lebih luas dalam pengurusan tapak warisan di Malaysia, di mana pendekatan atas-bawah masih mendominasi dan penglibatan komuniti sering kekal pada tahap simbolik semata-mata.

Implikasi dasar yang konkrit daripada dapatan ini ialah keperluan untuk mereformasikan kerangka tadbir urus pengurusan warisan di Malaysia supaya lebih bersifat penyertaan dan inklusif, dengan memberikan peranan yang lebih formal dan berstruktur kepada persatuan pelancongan dalam proses membuat keputusan berkaitan pembangunan tapak warisan. Walaupun begitu, masih terdapat peluang yang nyata dan signifikan untuk memperkukuhkan peranan persatuan pelancongan dalam pemerikasaan komuniti iaitu melalui penggunaan teknologi digital yang lebih meluas, pembangunan model tadbir urus penyertaan yang lebih inklusif, program pembangunan kapasiti yang komprehensif dan berterusan, kerjasama serantau yang lebih erat, serta pengukuhan model pelancongan berasaskan komuniti yang mampu melestarian pembangunan sektor pelancongan warisan, khususnya di Lembah Bujang itu sendiri.

Justeru, adalah amat perlu bagi pihak berkuasa dan pembuat dasar untuk merangka instrumen dasar yang secara khusus mengiktiraf dan memperkukuhkan peranan persatuan pelancongan sebagai agen pemeraksanaan komuniti, termasuk menyediakan mekanisme pembiayaan yang berterusan, program pembangunan kapasiti yang komprehensif dan platform dialog yang inklusif antara semua pihak berkepentingan. Bagi memperluaskan dapatan kajian ini, penyelidikan lanjutan perlu dilakukan di tapak-tapak warisan arkeologi yang lain di Malaysia dan Asia Tenggara bagi menguji kebolegunaan model tadbir urus penyertaan yang dicadangkan dalam konteks dan budaya yang lebih pelbagai.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada penasihat AncKed Sungai Batu dan Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana menyediakan semua kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan ini dengan jayanya.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran daripada agensi pembiayaan sektor awam atau swasta.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Hasfarisham Abd Halim: Metodologi, analisis data, penulisan-penyediaan draf asal; Mokhtar Saidin; penulisan-semakan dan penyuntingan. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang dibentangkan dalam kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis yang berkaitan.

RUJUKAN

- Abdul Halim, S., Puay Liu, O., Yussof, N., & Choun Sian, L. (2011). Participation towards Heritage Conservation: Case of a Fishing Community in Langkawi Geopark. *Planning Malaysia*, 1(1), 175-186. <https://doi.org/10.21837/pm.v1i1.97>
- Adnan, J., Sabin, Y. S., Nasir, N. & Zuliskandar, R. (2017). Archaeotourism and its Attractiveness in the Context of Heritage Tourism in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(7 4), 2222-6990. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i4/2923>

- Allen, J. S. (1988). *Trade and Site Distribution in Early History-Period Kedah: Geoarcheology, Historic and Locational Evidence*. Unpublished PhD Dissertation. University of Hawaii, Honolulu, USA.
- Asham, M. K. (2019). Intangible cultural heritage as a tool for community empowerment: A case study of the Date Palm Festival in Siwa Oasis, Egypt. *Ottoman Journal of Tourism Management Research*, 4(1), 361-377. <https://doi.org/10.26465/ojtmr.2018339516>
- Ashri, R. & Muhammad Zikri (2025). Creative Tourism as the Key to Community Empowerment: Revitalizing Local Narratives through Cultural Performances at Prambanan Temple. *Journal of Tourism and Creativity*, 9(1), 53692. <https://doi.org/10.19184/jtc.v9i1.53692>
- Asyaari, M. & Yasmin, A. (2024). Arkeo-Pelancongan di Tapak Bandaraya Warisan Dunia UNESCO: Tumpuan di Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 12(3), 29-37. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1203-03>
- Cerisola, S., & Panzera, E. (2025). Heritage Tourism and Local Prosperity: An Empirical Investigation of their Controversial Relationship. *Tourism Economics*, 31(5), 964-983. <https://doi.org/10.1177/13548166241234099>
- Choegyal, L. (2019). Tourism and Community Engagement in World Heritage Sites, Nepal. In: Coningham, R. & Lewer, N. (eds). *Archaeology, Cultural Heritage Protection and Community Engagement in South Asia*. Palgrave Pivot, Singapore. 89-103. https://doi.org/10.1007/978-981-13-6237-8_7
- Dadizadeh, N. A., & Doğan, E. (2024). Community Engagement and Sustainable Heritage Tourism: Mediating Role of Archaeological Heritage Interpretation. *Conservation and Management of Archaeological Sites*, 26(2-3), 175-206. <https://doi.org/10.1080/13505033.2024.2400627>
- Dragouni, M., & Fouseki, K. (2018). Drivers of Community Participation in Heritage Tourism Planning: An Empirical Investigation. *Journal of Heritage Tourism*, 13(3), 237-256. <https://doi.org/10.1080/1743873X.2017.1310214>
- Farhana, A., Adnan, J., Nasir, N. & Zuliskandar, R. (2016). Arkeopelancongan di Lembah Bujang: Isu, Dilema dan Cabaran. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 29(2), 15-22. ISSN: 0128-0732.
- Fong, S. F., & Lo, M. C. (2015). Community Involvement and Sustainable Rural Tourism Development: Perspectives from the Local Communities. *European Journal of Tourism Research*, 11, 125-146. <https://doi.org/10.54055/ejtr.v11i.198>
- Giliberto, F. & Labadi, S. (2023). Re-Imagining Heritage Tourism in Post-COVID Sub-Saharan Africa: Local Stakeholders' Perspectives and Future Directions. *Sustainability*, 15(5), 4339. <https://doi.org/10.3390/su15054339>
- Goh, H. C. (2015). Influence of Park Governance on Tourism Development in Kinabalu Park, Malaysia Borneo. *WIT Transactions on Ecology and the Environment*, 193, 929-939. <https://doi.org/10.2495/SDP150781>
- Goh, H. M., Saw, C. Y., Shaiful S., Mokhtar, S. & Curnoe, D. (2019). Community Heritage Engagement in Malaysian Archaeology: A Case from the Prehistoric Rock Art Site of Tambun. *Journal of Community Archaeology & Heritage*, 6(2), 110-121. <https://doi.org/10.1080/20518196.2019.1579405>
- Griffith, C. S. & Griffith, L. M. (2012). Partnerships in Archaeotourism: The Future of Cueva Borbon, Dominican Republic. *Chungara, Revista de Antropología Chilena*, 44(3), 523-532.
- I Wayan, M., Putu, I.Y. & Ni Made, T. (2025). Creating Quality Tourism Destinations: The Crucial Role of Community Participation and Government Support in Batur UNESCO Global Geopark-Bali. *Bali-e-Journal of Tourism*, 12(2), 178-197. <https://doi.org/10.24922/eot.v12i2.2173>
- Kalidoss, D. & Ghate, A.D. (2025). An Integrated Participatory Governance and Decision-Matrix Model for Sustainable Cultural Heritage Tourism and Post-Conflict Community Empowerment. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 18(12), 431-444.

- Kokkhangplu, A., Kim, Y. H., & Kaewnuch, K. (2024). Resident's Quality of Life through Community-Based Tourism. *Anatolia*, 35(2), 339-358. <https://doi.org/10.1080/13032917.2023.2196671>
- Lenao, M. (2014). Rural Tourism Development and Economic Diversification for Local Communities in Botswana: The Case of Lekhubu Island. *Nordia Geographical Publications*, 43(2), 1-53.
- Lintang, .P. W., Sri Kamariyah, Kristyan, D. & Amirul, M. (2025). Local Government Policies for Empowering Heritage Tourism in Surabaya's Old City. *Socious Journal*, 2(5), 15-27. <https://doi.org/10.62872/jjgps39>
- Liu, O. P. (2017). Community Involvement for Sustainable World Heritage Sites: The Melaka Case. *Kajian Malaysia*, 35(Supp. 1): 75-97. <https://doi.org/10.21315/km2017.35.Supp.1.4>
- Low J. (1848). An Account of Several Inscriptions found in Province Wellesley on the Peninsula of Malacca. *Journal of the Asiatic Society of Bengal*, 18(2), 62-66.
- Low, J. (1849). On an Inscription from Keddah. *Journal of Asiatic Society of Bengal*, 18(1): 247-249.
- Mastura, J., Shudaida, M.N. & S. Mostafa, R. (2015). Perception of Young Local Residents toward Sustainable Conservation Programmes: A Case Study of the Lenggong World Cultural Heritage Site. *Tourism Management*, 48, 154-163. <https://doi.org/10.1016/J.TOURMAN.2014.10.018>
- Mazlan Mahmud, Mohd Hasfarisham Abd Halim & Shyeh Sahibul Karamah Masnan (2025). Arkeopelancongan Lembah Bujang: Potensi dan Strategi Pemasaran daripada Sudut Pemain Industri. *Journal of Event, Tourism & Hospitality Studies*, 5, 181-200. <https://doi.org/10.32890/jeth2025.5.11>
- Mohd Amin Ali, Mohd Hasfarisham Abd Halim, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Mokhtar Saidin & Suresh Narayanan (2023). Geoarchaeosites for Heritage Tourism Product of Kuala Muda District, Kedah, Malaysia. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 1(46): 63-70. <http://doi.org/10.30892/gtg.46107-1001>
- Mohd Hasfarisham, A. H. & Mokhtar, S. (2025). Architecture of the Ancient Port Management SB2G Site at Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *Journal of Maritime Archaeology*, 1-19. <https://doi.org/10.1007/s11457-025-09468-0>
- Mohd Hasfarisham, A. H. & Mokhtar, S. (2026). Developing Process of Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC) Sites as Heritage Tourism Products in Kedah, Malaysia. *Built Heritage*, 10(2), 1-26. <https://doi.org/10.1186/s43238-025-00239-3>
- Mohd Hasfarisham, A. H., Aziz, M. G., Rasydan, M., Shyeh Sahibul Karamah, M. & Mokhtar, S. (2022). Archaeological Evidence of Pelangi Cave, Negeri Sembilan, Malaysia: Its Potential as a Heritage Tourism Site. *GeoJournal of Tourism and Geosite*, 44(4): 1282-1291. <http://doi.org/10.30892/gtg.44412-944>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Naizatul Akma Mohd Mokhtar, Iklil Izzati Zakaria, Siti Nurul Siha Mohamad, Nur Saerah Abd Hamid, Shyeh Sahibul Karamah Masnan & Mokhtar Saidin (2023). Ancient Kedah Iron Smelting Experiment in Preparation for Offering Archaeological Tourism Heritage Packages at Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 47(2): 600-630. <http://doi.org/10.30892/gtg/47201-10x>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Naizatul Akma Mohd Mokhtar, Siti Nurul Siha Mohamad, Iklil Izzati Zakaria, Nur Saerah Abd Hamid, Shyeh Sahibul Karamah Masnan & Mokhtar Saidin (2024a). Application of Digital Technology in Offering Tourism Packages at Iron Smelting Sites, Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *Digital Application in Archaeology and Cultural Heritage*, 32, e00294. <http://doi.org/10.1016/j.daach.2023>
- Mohd Hasfarisham, A. H., Shaiful, S., Shyeh Sahibul Karamah, M. & Mokhtar, S. (2024b). The Attractions of Guar Kepah Archaeological Site, Penang, Malaysia as an Archaeological Heritage Tourism Site. *GeoJournal of Tourism and Geosite*, 55(3): 1414-1425. <http://doi.org/10.30892/gtg.55341-1313>

- Mohd Hasfarisham, A. H., Shyeh Sahibul Karamah, M. & Mokhtar, S. (2025a). Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Kedah, Malaysia as a Sustainable Heritage Tourism Product. *Built Heritage*, 9(4), 1-20. <https://doi.org/10.1186/s43238-024-00171-y>
- Mohd Hasfarisham, A. H., Naizatul Akma, M. M., Shyeh Sahibul Karamah, M. & Mokhtar, S. (2025b). New Evidence of Ancient Kedah Iron Smelting Sites at Sungai Batu Archaeological Complex (SBAC), Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *L'Anthropologies (France)*, 129(1), 103342. <https://doi.org/10.1016/j.anthro.2024.103342>
- Mohd Hasfarisham, A.H., Iklil Izzati, Z., Shyeh Sahibul Karamah, M., Shaiful, S. & Mokhtar, S. (2025c). Revisiting the 2,600-Year-Old Ancient Kedah River Jetty Site of Sungai Batu Archaeological Complex, Bujang Valley, Kedah, Malaysia. *International Journal of Nautical Archaeology*, 1-29. <https://doi.org/10.1080/10572414.2025.2450784>
- Mohd Hasfarisham Abd Halim, Nor Khairunnisa Talib, Shyeh Sahibul Karamah Masnan, Nur Asikin Rashidi & Mokhtar Saidin (2025d). Geoheritage Tourism in Lenggong Valley, Perak, Malaysia: Local Community Involvement. *GeoJournal of Tourism and Geosite*, 59(2), 844-855. <https://doi.org/10.30892/gtg.59229-1461>
- Mohd Hiriy, G., Mohd Jani, Abdullah, S. & Nahtiar, M. (2017). The Involvement of State Government, Agencies and Local Authority Policies on the Conservation of Heritage Spots in Malaysia. *Journal of Government and Politics*, 8(3), 327-351. <https://doi.org/10.18196/JGP.2017.0051.327-351>
- Mokhtar, S. (2019). Archaeology & Community: A Case Study from the Sungai Batu Site in Malaysia. *Sophia Journal of Asian, African, and Middle Eastern Studies*, 37, 17-29.
- Mostafa, R. S., Mastura, J. & A Ghafar, A. (2017). Community Participation in World Heritage Site Conservation and Tourism Development. *Tourism Management*, 58, 142-153. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2016.10.016>
- Muhamad Ferdhaus, S., Azal Fikry, A. & Hasnizam, A.D. (2023). George Town, Penang as a UNESCO World Heritage Site a Showcase of Best Practises in Heritage. *e-Bangi Journal of social science and humanities*, 20(4), 1-9. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2004.19>
- Muhammad Arif Fitri, A., Md Azalanshah, M. S. & Rosya, I. (2025). Digital Mediation and Community Narratives in Heritage Tourism: Reframing Authenticity in Melaka, Malaysia. *ASEAN Journal on Hospitality and Tourism*, 23(2), 89-100. <https://doi.org/10.5614/ajht.2025.23.2.01>
- Mustafa, S., Marzuki, M., Ramli, R. S., Mapjabil, J., Zainal Abidin, M. K., and Yusoh, M. P. (2015). Pengurusan Bandar Warisan UNESCO dan Penglibatan Komuniti Tempatan: Kajian Kes di George Town, Pulau Pinang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 87-99. ISSN 2180-2491.
- Napatah, N. N. & Azlan, S. C. (2022). Local Community Participation in Community-Based Tourism of Jakun Tribe, Sg. Peroh, Johor. *European Proceedings of Multidisciplinary Sciences*, 10, 763-774. <https://doi.org/10.15405/epms.2022.10.71>
- Nik Hassan Shuhaimi, N.A.R. (2008). *Lembah Bujang: Dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1-315. ISBN: 9834141858, 9789834141851.
- Norsuhana, A.H. & Fatimah, H. (2018). Potensi Lembah Bujang sebagai Destinasi Pelancongan Kulinari Berasaskan Sumber Alamiah: Satu Kajian Awal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4), 142-157. <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-12>
- Omar, S. I. (2013). *The Development of Sustainable Cultural Heritage Tourism in Malaysia: Implication for Planning and Management*. [Doctoral dissertation, Newcastle University].
- Paddison, B., & Biggins, R. (2017). Advocating Community Integrated Destination Marketing Planning in Heritage Destinations: The Case of York. *Journal of Marketing Management*, 33(9-10), 835-857. <https://doi.org/10.1080/0267257X.2017.1329226>

- Peng, S. (2025). Research on the Mechanism of Cultural Heritage Activation under the Community-Driven Model Taking South China as an Example. *Communications in Humanities Research*, 76(1), 46-52. <https://doi.org/10.54254/2753-7064/2025.LC26473>
- Puvaneswaran, K., Mostafa, R. S., Wang, M., Neethiahnanthan, A.R. & Zuliah, A.H. (2022). Enhancing Local Community Participation towards Heritage Tourism in Taiping, Malaysia: Application of the Motivation-Opportunity-Ability (MOA) Model. *Journal of Heritage Tourism*, 17(4), 465–484. <https://doi.org/10.1080/1743873X.2022.2048839>
- Ratih, S. D., Sihabudin, A. & Madjuka, M. Y. (2018). Stakeholders Organizing on Tourism Community Empowerment Case Study: Jakarta Old Town Destination Management Organization, 2011-2015. *Proceedings of the International Conference on Social Sciences*, 1(1), 163-173. SBN: 978-602-6309-44-2.
- Rodziadi Khaw, N., Shahidan, S., Zainun, N. & Saidin, M. (2017). The Post-14th Century Ancient Kedah: A Port in Decline? *The European Proceedings of Social & Behavioural Science*, 68: 25-34. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.3>
- Su, M. M., Wall, G. & Xu, K. (2016). Heritage Tourism and Livelihood Sustainability of a Resettled Rural Community: Mount Sanqingshan World Heritage Site, China. *Journal of Sustainable Tourism*, 24(5), 735–757. <https://doi.org/10.1080/09669582.2015.1085868>
- Taram, A. N. (2025). Leveraging Cultural Tourism for Community Development: Social Work Models in Heritage Towns. *International Education and Research Journal (IERJ)*, 11(08), 302-305. <https://doi.org/10.5281/zenodo.17042857>
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods* (6th edition). SAGE Publications, 453p. ISBN 9781506336169.
- Zhang, L. & Stewart, W. (2017). Sustainable Tourism Development of Landscape Heritage in a Rural Community: A Case Study of Azheke Village at China Hani Rice Terraces. *Built Heritage* 1, 37–51. <https://doi.org/10.1186/BF0354565>
- Zhou, X., Wang, J. & Zhang, S. (2021). Evaluation of Community Tourism Empowerment of Ancient Town based on Analytic Hierarchy Process: A Case Study of Zhujiajiao, Shanghai. *Sustainability*, 13(5), 2882. <https://doi.org/10.3390/SU13052882>
- Zolkurnian, H. (2018). Tapak SB1B Sungai Batu, Kedah Malaysia: Pertaliannya kepada Sejarah Senibina dan Sosio-Budaya Tanah Besar Asia Tenggara. *Malaysia Museum Journal (PURBA)*, 37, 20-43.